




Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

LAPORAN TAHUNAN K W S M P

KUMPULAN WANG SUMBANGAN
MODAL PEMBETUNGAN



2020



KANDUNGAN

2

PENGENALAN

6

JAWATANKUASA KEWANGAN DAN KUMPULAN
WANG SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN

12

PROJEK ATAU INISIATIF SISTEM PEMBETUNGAN
DI BAWAH PEMBIAYAAN KUMPULAN WANG
SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN (KWSMP)

17

PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2020

20

PERANCANGAN MASA HADAPAN

21

PENYATA KEWANGAN



1.0 PENGENALAN

Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan (KWSMP) telah ditubuhkan di bawah Seksyen 172 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) dengan berkuat kuasanya Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan) 2011 mulai 1 Januari 2011.

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) merupakan pengawal dan pengendali KWSMP selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 172(1) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

Seksyen 172(2) Akta 655 menjelaskan bahawa KWSMP hendaklah terdiri daripada apa-apa jumlah wang yang disumbangkan oleh pemaju atau orang yang membina:

a) bangunan dan menyambungkan bangunan itu ke suatu pembetung awam;

- b) tempat rawatan kumbahan tanpa kemudahan pemprosesan enap cemar atau penjana kuasa tunggu sedia atau kedua-duanya; dan
- c) tangki septik individu atau tangki septik komunal yang menghendaki suatu kemudahan pemprosesan enap cemar di luar tapak.

Pembayaran KWSMP ini hendaklah mengikut kadar yang telah ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (KWSMP) 2011. Kadar sumbangan mengikut Peraturan adalah seperti Jadual 1.



| Bil | Kategori | Kadar Sumbangan |
|-----|---|---|
| 1 | <p>Mana-mana pemaju atau orang yang membina bangunan yang berikut dan menyambungkan bangunan itu ke suatu pembetung awam:</p> <p>(a) bangunan yang diniatkan untuk dijual dan telah dijual;</p> <p>(b) bangunan kediaman yang diniatkan untuk dijual tetapi belum dijual;</p> <p>(c) bangunan yang tidak diniatkan untuk dijual; dan</p> <p>(d) bangunan yang diniatkan untuk dijual tetapi belum dijual, tidak termasuk bangunan kediaman dalam perenggan (b).</p> | <p>1.00% daripada harga jualan setiap unit</p> <p>1.00% daripada harga jualan setiap unit</p> <p>(i) 1.00% daripada nilai pasaran setiap unit dalam suatu projek bukan kerajaan; dan (ii) 1.00% daripada kos kontrak setiap unit dalam suatu projek kerajaan.</p> <p>(i) 1.00% daripada nilai pasaran setiap unit dalam suatu projek bukan kerajaan; dan (ii) 1.00% daripada kos kontrak setiap unit dalam suatu projek kerajaan.</p> |
| 2 | Mana-mana pemaju atau orang yang membina tempat rawatan kumbahan tanpa kemudahan pemprosesan enap cemar atau penjana kuasa tunggu sedia atau kedua-duanya. | RM5 bagi setiap bilangan penduduk setara |
| 3 | Mana-mana pemaju atau orang yang membina tangki septik atau tangki septik komunal yang menghendaki suatu kemudahan pemprosesan enap cemar di luar tapak. | RM120 bagi setiap bilangan penduduk setara |

Jadual 1: Kadar Sumbangan Bagi Bangunan Selain Bangunan Spesifik



| Bil | Kategori | Kadar Sumbangan |
|-----|---|--|
| 1 | <p>Mana-mana pemaju atau orang yang membina bangunan spesifik yang berikut dan menyambungkan bangunan spesifik itu ke suatu pembetung awam:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) bangunan kediaman kos rendah (b) rumah ibadat (c) sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan (d) bangunan komuniti (e) bangunan kebajikan | RM1000 bagi setiap projek RM100 bagi setiap projek RM1000 bagi setiap projek RM100 bagi setiap bangunan RM100 bagi setiap bangunan |
| 2 | <p>Mana-mana pemaju atau orang yang membina tempat rawatan kumbahan tanpa kemudahan pemprosesan enap cemar atau penjana kuasa tunggu sedia atau kedua-duanya berhubung dengan bangunan spesifik seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) bangunan kediaman kos rendah (b) rumah ibadat (c) sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan (d) bangunan komuniti (e) bangunan kebajikan | RM1000 bagi setiap projek RM100 bagi setiap projek RM1000 bagi setiap projek RM100 bagi setiap bangunan RM100 bagi setiap bangunan |
| 3 | <p>Mana-mana pemaju atau orang yang membina tangki septik atau tangki septik komunal yang menghendaki suatu kemudahan pemprosesan enap cemar di luar tapak berhubung dengan bangunan spesifik seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) bangunan kediaman kos rendah (b) rumah ibadat (c) sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan | RM1000 bagi setiap projek RM100 bagi setiap projek RM1000 bagi setiap projek |



| Bil | Kategori | Kadar Sumbangan |
|-----|------------------------|----------------------------|
| | (d) bangunan komuniti | RM100 bagi setiap bangunan |
| | (e) bangunan kebajikan | RM100 bagi setiap bangunan |

Jadual 2: Kadar Sumbangan Bagi Bangunan Spesifik

Menurut Seksyen 172(3) Akta 655, perbelanjaan dana KWSMP hendaklah bagi maksud berikut:

a

untuk menambah perbelanjaan modal yang dikehendaki bagi sistem pembetungan awam;

b

untuk melaksanakan sistem pembetungan serantau; atau

c

apa-apa maksud lain yang ditentukan oleh Menteri.





2.0 JAWATANKUASA KEWANGAN DAN KUMPULAN WANG SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN (KWSMP)

2.1 Peranan dan Fungsi Jawatankuasa

Selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 13 Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654), Suruhanjaya telah menubuhkan **Jawatankuasa Kewangan dan KWSMP (JKKWSMP)** yang berperanan untuk memutuskan hal ehwal berkenaan dengan pengurusan kewangan SPAN dan juga pengurusan dana KWSMP. Fungsi JKKSMP adalah seperti berikut:

- a) Meluluskan perkara-perkara berkaitan urusan kewangan Kumpulan Wang SPAN dan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan (KWSMP);
- b) Mengesyorkan kepada Suruhanjaya prosedur dan tatacara berkaitan dengan urusan kewangan, perolehan dan pengurusan aset;
- c) Mengesyorkan kepada Suruhanjaya bajet SPAN dan apa-apa bajet tambahan untuk kelulusan Menteri;
- d) Meluluskan pindah peruntukan;
- e) Meluluskan laporan kewangan suku tahun (pendapatan dan perbelanjaan) SPAN dan KWSMP;
- f) Mengesyorkan kepada Suruhanjaya penyata kewangan SPAN dan KWSMP untuk diaudit;
- g) Meluluskan laporan Jawatankuasa Pengurusan Aset SPAN;
- h) Mempertimbangkan dan memutuskan dasar penggunaan dana KWSMP selaras dengan seksyen 172 Akta 655;

- i) Mempertimbangkan dan memutuskan bajet perbelanjaan tahunan KWSMP, perkara berkaitan perubahan skop dan kos projek serta segala urusan pembayaran dari akaun KWSMP; dan
- j) Meluluskan apa-apa rayuan berhubung dengan sumbangan KWSMP.

Keanggotaan JKKWSMP yang terkini terdiri daripada Encik Saizol bin Ismail sebagai pengurus, dan ahli-ahlinya terdiri daripada Puan Azizah binti Ariffin, Ir. Dr. Haji Mohmad Asari bin Daud dan Ketua Pegawai Eksekutif SPAN. Unit Perkhidmatan Urus Setia, Bahagian Undang-undang SPAN bertindak sebagai sekretariat bagi pengurusan mesyuarat Jawatankuasa ini.

2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Bagi Tahun 2020

Sepanjang tahun 2020, JKKWSMP telah bersidang sebanyak lapan (8) kali seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.

| Bil | Mesyuarat | Tarikh |
|-----|---|-------------------|
| 1 | Mesyuarat JKKWSMP SPAN Bil. 1/2020 | 22 Januari 2020 |
| 2 | Mesyuarat JKKWSMP SPAN Bil. 2/2020 (Khas) | 21 Februari 2020 |
| 3 | Mesyuarat JKKWSMP SPAN Bil. 3/2020 | 9 April 2020 |
| 4 | Mesyuarat JKKWSMP SPAN Bil. 4/2020 | 25 Jun 2020 |
| 5 | Mesyuarat JKKWSMP SPAN Bil. 5/2020 (Khas) | 23 Julai 2020 |
| 6 | Mesyuarat JKKWSMP SPAN Bil. 6/2020 | 15 September 2020 |
| 7 | Mesyuarat JKKWSMP SPAN Bil. 7/2020 | 13 Oktober 2020 |
| 8 | Mesyuarat JKKWSMP SPAN Bil. 8/2020 | 3 Disember 2020 |

Jadual 3: Mesyuarat JKKWSMP sepanjang tahun 2020

Sebanyak 18 kertas kerja di bawah perkara KWSMP telah dibentangkan iaitu 17 kertas pertimbangan dan satu (1) kertas makluman. Senarai kertas kerja yang dibentangkan untuk kelulusan jawatankuasa adalah seperti Jadual 4.

| Bil | Mesyuarat | Kertas Kerja KWSMP |
|-----|------------------------------------|--|
| 1 | Mesyuarat JKKWSMP SPAN Bil. 1/2020 | <ul style="list-style-type: none"> • Kertas pertimbangan mengenai kes-kes permohonan offset, rayuan bayaran balik dan rayuan penetapan kadar sumbangan KWSMP yang disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian Utama |



| Bil | Mesyuarat | Kertas Kerja KWSMP |
|------------|---|---|
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Kertas pertimbangan pindaan keputusan permohonan offset Tetuan Everise Project Sdn Bhd yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa berdasarkan penemuan audit Bahagian Audit Dalaman dan Integriti SPAN • Kertas pertimbangan berkenaan cadangan ketetapan kadar sumbangan KWSMP berdasarkan kepada 1% nilai pasaran bagi <ul style="list-style-type: none"> ◦ unit kediaman yang belum terjual untuk pembangunan kediaman berskala kecil; dan ◦ pembangunan yang berkonseptan ‘Build and Sell’ |
| 2 | Mesyuarat JKKWSMP SPAN Bil. 2/2020 (Khas) | Tiada kertas berkenaan KWSMP dibentangkan |
| 3 | Mesyuarat JKKWSMP SPAN Bil. 3/2020 | <ul style="list-style-type: none"> • Kertas pertimbangan mengenai kes-kes permohonan offset, rayuan bayaran balik dan rayuan penetapan kadar sumbangan KWSMP yang disyorkan oleh jawatankuasa penilaian utama • Kertas pertimbangan cadangan membenarkan penggunaan Surat Akuan Berkanun (<i>Statutory Declaration</i>) sebagai dokumen rujukan alternatif bagi menggantikan perjanjian jual beli untuk bayaran sumbangan KWSMP merujuk kepada kes permohonan oleh Tetuan CB Land Sdn Bhd |



| Bil | Mesyuarat | Kertas Kerja KWSMP |
|------------|---|---|
| 4 | Mesyuarat JKKWSMP SPAN Bil. 4/2020 | <ul style="list-style-type: none"> • Kertas pertimbangan dana khas kepada Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) bagi menampung kos penyelenggaraan tangki septic komunal yang dilaksanakan bagi 2019 dan 2020 • Kertas pertimbangan bagi kes-kes rayuan permohonan offset, bayaran balik dan penetapan kadar sumbangan KWSMP yang disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian Utama • Kertas makluman berhubung keputusan Jawatankuasa Teknikal Projek Pembetungan KWSMP (JTPKWSMP) berkenaan: <ul style="list-style-type: none"> ◦ Permohonan perubahan kerja dan lanjutan tempoh masa bagi projek membina rangkaian paip pembetungan di kawasan SiRusa, Port Dickson, Negeri Sembilan; dan ◦ Permohonan lanjutan tempoh masa bagi projek menaik taraf paip pembetungan di Jalan Sultan Ahmad Shah, George Town, Pulau Pinang (Reka dan Bina) |
| 5 | Mesyuarat JKKWSMP SPAN Bil. 5/2020 (Khas) | Tiada kertas berkenaan KWSMP dibentangkan |
| 6 | Mesyuarat JKKWSMP SPAN Bil. 6/2020 | <ul style="list-style-type: none"> • Kertas pertimbangan berkenaan permohonan Indah Water Konsortium Sdn Bhd untuk menggunakan dana KWSMP sebagai bantuan bagi membiayai kerja-kerja penggantian peralatan dan instrumentasi • Kertas pertimbangan permohonan penggunaan dana KWSMP oleh Indah Water Konsortium Sdn Bhd bagi cadangan pemasangan sistem keselamatan penutup lurang yang berada dalam kawasan berisiko tinggi |

| Bil | Mesyuarat | Kertas Kerja KWSMP |
|------------|------------------------------------|---|
| | | <ul style="list-style-type: none"> Kertas pertimbangan penetapan kadar KWSMP bagi Projek River of Life (Fasa 2): cadangan kerja-kerja penambahbaikan dan pengindahan kawasan di Pakej 2: Taman Titiwangsa di atas Lot 138, Mukim Bandar Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur |
| 7 | Mesyuarat JKKWSMP SPAN Bil. 7/2020 | <ul style="list-style-type: none"> Kertas pertimbangan penetapan kadar khas KWSMP bagi Projek Mass Rapid Transit (MRT) Lembah Kelang: Jajaran Sungai Buloh-Kajang untuk: <ul style="list-style-type: none"> Cadangan pembangunan Depoh Bas (Kem Sungai Besi) di atas Lot 2816 (PA 14383), Kawasan Perindustrian Desa Tun Razak, Mukim Petaling, Daerah Petaling, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; dan Cadangan pembangunan Depoh Bas di atas sebahagian Lot 24728 (RTM Kajang), Jalan Smap (sedia ada), Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Kertas pertimbangan permohonan Indah Water Konsortium Sdn Bhd untuk menggunakan dana KWSMP sebagai bantuan bagi membiayai kerja-kerja membaiki paip pembetungan awam pada lokasi berikut: <ul style="list-style-type: none"> <i>proposed for sewer modification at PDN102, Taman Orkid, Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus</i> <i>proposed for sewer modification at KLR348, Taman Seputeh, Kuala Lumpur</i> <i>proposed for sewer modification at SAM265, Persiaran Kuala Selangor, Seksyen 26, Shah Alam, Selangor</i> Kertas pertimbangan mengenai kes-kes rayuan permohonan offset KWSMP dan tuntutan lebihan sumbangan kepada KWSMP yang disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian Utama (Jakpen Utama Bil.3/2020) |

| Bil | Mesyuarat | Kertas Kerja KWSMP |
|------------|------------------------------------|--|
| 8 | Mesyuarat JKKWSMP SPAN Bil. 8/2020 | <ul style="list-style-type: none"> • Kertas rayuan permohonan offset dan tuntutan lebihan KWSMP yang disyorkan oleh Jakpen Utama Bil.4/2020 • Kertas pertimbangan penyediaan mekanisme penyambungan harta tanah sedia ada ke sistem pembetungan awam • Kertas pertimbangan penetapan kadar khas KWSMP bagi cadangan pembangunan Hospital Pakar Kanak-kanak Permata, Universiti Kebangsaan Malaysia yang mengandungi blok hospital 9 tingkat, hotel 54 bilik 11 tingkat dan satu blok 4 tingkat tempat letak kereta di sebahagian Lot 50639, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Kuala Lumpur untuk Tetuan Universiti Kebangsaan Malaysia • Tuntutan balik lebihan bayaran KWSMP oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan (JBSK) untuk dibayar kepada perunding Teknik Padu Sdn Bhd |

Jadual 4: Kertas kerja untuk kelulusan JKKWSMP pada 2020





3.0 PROJEK/ INISIATIF PEMBETUNGAN DI BAWAH PEMBIAYAAN KWSMP

Semenjak 2012 hingga 2020, Suruhanjaya telah meluluskan sebanyak 42 buah projek fizikal sistem pembetungan di bawah peruntukan KWSMP dengan kos keseluruhan berjumlah RM802.9 juta.



Projek fizikal pembetungan yang dilaksanakan ini boleh dibahagikan kepada dua (2) kategori utama iaitu projek bukan kecemasan dan projek kecemasan. Jadual 5 menunjukkan perincian bilangan projek dan kos bagi kedua-dua kategori tersebut.

| Kategori | Bilangan Projek | Kos (RM) |
|------------------------|-----------------|--------------------|
| Projek bukan kecemasan | 36 | 801,857,960 |
| Projek kecemasan | 6 | 1,028,104 |
| Jumlah | 42 | 802,886,064 |

Jadual 5: Projek fizikal yang telah diluluskan pada 2012 hingga 2020

3.1 Projek Fizikal Bukan Kecemasan

Dari 2012 hingga 2019, sebanyak 19 daripada 33 projek pembetungan telah pun siap dan diserahkan kepada operator awam untuk diselenggarakan. Jadual 6 menunjukkan perincian bilangan projek dan jumlah kos keseluruhan berdasarkan kepada jenis sistem pembetungan bagi 19 projek tersebut.



| Sistem Pembetungan | Bilangan Projek | Kos (RM) |
|-----------------------|-----------------|--------------------|
| Loji Rawatan Kumbahan | 13 | 244,098,203 |
| Stesen Pam | 1 | 6,147,066 |
| Paip Retikulasi | 5 | 77,764,529 |
| Jumlah Besar | 19 | 328,009,798 |

Jadual 6: Projek fizikal yang telah siap untuk 2012 hingga 2019

Sebanyak dua (2) projek fizikal di bawah pengendalian SPAN sebagai agensi pelaksana dan dipantau oleh Indah Water Konsortium Sdn Bhd sebagai Perunding Pengurusan Projek. Projek-projek ini masih di peringkat pembinaan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.

| Bil | Projek | Nilai Kontrak (RM) | Kemajuan (sehingga 31 Disember 2020) | Nota |
|-----|---|--------------------|--------------------------------------|---|
| 1 | Cadangan membina rangkaian paip pembetungan di Sri-Rusa, Port Dickson, Negeri Sembilan | 51,991,773 | 78% | Penambahan skop kerja untuk menaik taraf stesen pam kumbahan |
| 2 | Cadangan menaik taraf paip pembetungan di Jalan Sultan Ahmad Shah, Georgetown, Pulau Pinang (Reka dan Bina) | 8,963,379 | 98% | Kerja-kerja fizikal telah pun selesai. Dalam Peringkat kelulusan akhir untuk penyerahan |

Jadual 7: Projek fizikal yang masih di peringkat pembinaan

Bagi projek yang telah diluluskan pada 2018, Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara Bil 6/2019 telah bersetuju untuk menyerahkan 11 daripada 12 buah projek tersebut kepada Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) yang akan berperanan sebagai agensi pelaksana.

Manakala satu (1) projek daripada senarai tersebut akan dilaksanakan oleh SPAN memandangkan projek tersebut merupakan kerja-kerja membaik pulih sistem pembetungan sedia ada yang turut melibatkan kerjasama pemaju. Jadual 8 menunjukkan perincian bagi 12 projek tersebut dengan kos keseluruhan berjumlah RM210.09 juta.



| Bil | Projek | Agensi Pelaksana | Kos (RM) |
|-----|--|------------------|------------|
| 1 | Cadangan kerja-kerja penggantian paip pembetungan di TPG047, Taman Bersatu, Taiping Perak Darul Ridzuan | JPP | 1,000,000 |
| 2 | Cadangan kerja-kerja rasionalisasi Loji Rawatan Kumbahan PDN101 di Taman Politeknik ke Loji Rawatan Kumbahan Berpusat (PDN110), Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus | JPP | 14,500,000 |
| 3 | Cadangan rasionalisasi 10 buah loji rawatan kumbahan (MTH238, MTH331, MTH334, MTH385, MTH437, MTH459, MTH462, MTH485, MTH479, MTH493) ke MTH321 yang akan dinaiktarafkan di Mukim Tanjung Minyak, Daerah Melaka Tengah, Melaka | JPP | 28,700,000 |
| 4 | Cadangan kerja-kerja baik pulih paip pembetungan di KGA081, Taman Puteri, Kluang, Johor Darul Takzim | JPP | 1,900,000 |
| 5 | Cadangan kerja-kerja baik pulih paip pembetungan di KGA131, Taman Sri Kluang, Kluang, Johor Darul Takzim | JPP | 1,200,000 |
| 6 | Cadangan penaiktarafan paip pembetungan di HCH005, Stesen Teksi, Tanah Rata, Cameron Highlands, Pahang Darul Makmur | JPP | 900,000 |
| 7 | Cadangan menaik taraf loji Rawatan Kumbahan MTH270 di Taman Seri Duyong 2, Daerah Melaka Tengah, Melaka | JPP | 12,908,450 |
| 8 | Cadangan kerja-kerja membaik pulih 59 buah loji rawatan kumbahan jenis pakej | JPP | 26,632,920 |



| Bil | Projek | Agensi Pelaksana | Kos (RM) |
|---------------|---|------------------|--------------------|
| 9 | Cadangan jangka masa pendek bagi membaik pulih rangkaian paip pembetungan dan stesen pam di Kuala Sawah, Daerah Seremban Negeri Sembilan Darul Khusus | JPP | 25,351,640 |
| 10 | <i>Proposed property connection at Wang Bintong, Kangar, Perlis</i> | JPP | 35,000,000 |
| 11 | <i>Proposed upgrading existing at RSTP Kuah, Langkawi, Kedah</i> | JPP | 32,000,000 |
| 12 | Cadangan membaik pulih sistem pembetungan di Bandar Botanik dan Ambang Botanik, Klang | SPAN | 30,000,000 |
| Jumlah | | | 210,093,010 |

Jadual 8: Senarai projek pada 2018

Bagi 2020, sebanyak tiga (3) projek fizikal telah diluluskan dengan kos keseluruhan sebanyak RM202.8 juta bagi menambah baik infrastruktur serta meningkatkan kecekapan pengoperasian sistem pembetungan awam. Jadual 9 menunjukkan perincian bagi projek-projek tersebut dengan Indah Water Konsortium Sdn Bhd sebagai agensi pelaksana.

| Bil | Bilangan Projek | Kos (RM) |
|---------------|---|--------------------|
| 1 | Penarafan 644 loji rawatan kumbahan perenggan III Standard A kepada piawaian perenggan I Standard A Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 | 152,800,000 |
| 2 | kerja-kerja penggantian peralatan mekanikal utama dan instrumentasi di loji-loji rawatan kumbahan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan | 27,986,672 |
| 3 | kerja-kerja membaik pulih paip pembetungan awam di lokasi-lokasi yang berikut: i. PDN102, Taman Orkid, Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus; ii. KLR348, Taman Seputeh, Kuala Lumpur; iii. SAM265, Persiaran Kuala Selangor, Shah Alam, Selangor | 22,013,328 |
| Jumlah | | 202,800,000 |

Jadual 9: Senarai Projek bagi 2020

3.2 Projek Fizikal Kecemasan

Dari 2012 hingga 2019, sebanyak enam (6) projek fizikal kecemasan telah diluluskan pembiayaannya di bawah dana KWSMP. Kesemua projek tersebut telah pun berjaya disiapkan. Tiada permohonan dikemukakan bagi 2020. Jadual 10 menunjukkan perincian bilangan projek dan jumlah kos keseluruhan berdasarkan kepada jenis sistem pembetungan projek-projek tersebut.

| Sistem Pembetungan | Bilangan Projek | Kos (RM) |
|-----------------------|-----------------|------------------|
| Loji Rawatan Kumbahan | 4 | 789,810 |
| Stesen Pam | 1 | 90,294 |
| Paip Retikulasi | 1 | 148,000 |
| Jumlah | 6 | 1,028,104 |

Jadual 10: Projek fizikal yang telah siap bagi 2012 hingga 2019

3.3 Inisiatif Khas Sektor Pembetungan

Selain daripada projek pembangunan fizikal sistem pembetungan, terdapat beberapa inisiatif khas sektor pembetungan yang turut dibiayai menerusi dana KWSMP. Kelulusan pembiayaan adalah berdasarkan kepada peruntukan di bawah Seksyen 172(3) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655), subseksyen (c) iaitu apa-apa maksud lain yang ditentukan oleh Menteri.

Sebanyak tiga (3) inisiatif dengan kos keseluruhan berjumlah RM21.13 juta telah diluluskan pada 2020. Indah Water Konsortium Sdn Bhd sebagai agensi pelaksana bagi inisiatif ini. Perincian inisiatif tersebut adalah seperti Jadual 11.


| Bil | Inisiatif | Kos (RM) |
|-----|--|-------------------|
| 1 | Cadangan untuk menambah baik fasiliti tandas di rumah-rumah ibadat dan tandas awam di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Putrajaya | 10,000,000 |
| 2 | Pembiayaan kos penyelenggaraan tangki septik komunal bagi 2018 hingga 2020 | 10,377,779 |
| 3 | Cadangan pemasangan sistem keselamatan penutup lurang yang berada dalam kawasan berisiko tinggi | 750,000 |
| | Jumlah | 21,127,779 |

Jadual 11: Inisiatif khas sektor pembetungan pada 2020





4.0 PRESTASI KEWANGAN 2020




Carta 1: Kutipan Tahunan KWSMP

Kutipan terkumpul KWSMP dari tahun 2011 sehingga 2020 adalah sebanyak RM2.85 bilion. Merujuk kepada Carta 1, jumlah kutipan bagi 2020 adalah sebanyak RM361.76 juta, meningkat sebanyak 15.7 peratus berbanding kutipan pada 2019. Ia juga merupakan kutipan kedua tertinggi yang pernah dicatatkan pada 2017 (RM360.34 juta). Nilai yang tinggi ini memberi gambaran bahawa nilai harta tanah masih lagi tinggi terutamanya di bandar-bandar utama yang pesat membangun walaupun sektor pembinaan harta tanah sedang menghadapi suasana yang mencabar akibat pandemik Covid-19 yang melanda negara kita pada akhir tahun 2019.

Namun sokongan daripada kerajaan melalui pakej-pakej rangsangan ekonomis serta inisiatif-inisiatif yang dilancarkan dilihat dapat membantu sektor pembangunan harta tanah untuk terus kekal mampan dan berdaya saing. Sebagai contohnya, Kempen Pemilikan Rumah (HOC) untuk merangsang sektor perumahan dan membantu pembeli dalam pemilikan rumah yang menawarkan pengecualian duti setem pada Instrumen Pindahan dan Instrumen Perjanjian Pinjaman.





Carta 2: Kutipan KWSMP bagi 2020 mengikut negeri


Carta 2 menunjukkan jumlah kutipan KWSMP bagi 2020 mengikut negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Hasil kutipan tertinggi adalah daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan jumlah kutipan sebanyak RM164.75 juta (45.5 peratus), disusuli dengan Selangor sebanyak RM118.12 juta (32.6 peratus) dan Pulau Pinang sebanyak RM54.23 juta (15.0 peratus). Kutipan tertinggi diperoleh dari ketiga-tiga negeri ini didorong atas faktor kepesatan pembangunan bagi memenuhi permintaan dan kehendak penduduk setempat dan juga nilai harta tanah yang sememangnya tinggi bagi kawasan ini.

**KUTIPAN
TERTINGGI**

Wilayah
Persekutuan
Kuala Lumpur
dan Putrajaya

RM164.75
juta





Carta 3: Pecahan Sumber Sumbangan KWSMP Tahun 2020

Carta 3 menunjukkan pecahan kutipan KWSMP bagi 2020 mengikut kategori selaras dengan Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (KWSMP) 2011. Seperti mana tahun-tahun sebelumnya, kutipan tertinggi adalah daripada kategori sambungan ke sistem pembetungan awam dengan sumbangan sebanyak RM327.15 juta (90.4 peratus), diikuti dengan kategori menaik taraf loji iaitu sebanyak RM21.85 juta (6.0 peratus), kategori tangki septik individu sebanyak 9.62 juta (2.7 peratus) dan akhir sekali kategori kemudahan enap cemar dan lain-lain sebanyak RM3.13 juta (0.9 peratus).

**KUTIPAN
TERTINGGI**

sambungan
ke sistem
pembetungan
awam

RM327.15
juta


5.0 PERANCANGAN MASA HADAPAN

Lanjutan daripada inisiatif penaiktarafan 644 buah loji rawatan kumbahan yang telah diluluskan di bawah pembiayaan dana KWSMP bagi mematuhi piawaian alam sekitar yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar, kesinambungan daripada ini SPAN sedang meneliti dan mengkaji pelaksanaan fasa selanjutnya. Fasa selanjutnya akan merangkumi loji-loji di bawah perenggan (ii) dan (iii) dengan keutamaan diberi kepada lokasi loji yang berada di atas takat pengambilan sumber air minum (Standard A).

Penaiktarafan bagi fasa selanjutnya dijangka melibatkan lebih 2000 buah loji rawatan kumbahan secara berperingkat dan ini dilihat dapat mewujudkan peluang ekonomi kepada para penggiat industri (kontraktor, perunding dan pembekal produk) untuk terus kekal berdaya saing.

Bagi meningkatkan liputan perkhidmatan bersambung ke sistem berpusat, SPAN telah membangunkan Mekanisme Penyambungan Hartanah sebagai satu strategi menggalakkan premis-premis sedia ada untuk membuat penyambungan ke sistem berpusat yang telah disediakan. Penyediaan peruntukan khas daripada dana KWSMP sebagai satu alternatif bantuan kewangan dilihat dapat merealisasikan inisiatif ini untuk dilaksanakan dengan lancar.

Daripada aspek pengutipan, SPAN sedang mengkaji semula penetapan kadar sumbangan seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan) 2011 dengan mengambil kira kemapanan industri pembetungan untuk jangka masa panjang serta faktor ekonomi semasa yang mempengaruhi perkembangan sektor pembinaan harta tanah.





PENYATA KEWANGAN
KUMPULAN WANG
SUMBANGAN MODAL
PEMBETUNGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2020





SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mewakilkan sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 26.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.



Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Penegasan Perkara (EOM)

Tanpa menjelaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara seperti yang dinyatakan dalam Nota 5 dan Nota 9 kepada Penyata Kewangan, iaitu pengesahan pihak ketiga bagi baki penghutang dan pemutang masing-masing berjumlah RM14.84 juta dan RM153,676 masih belum diterima oleh pihak Audit.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Anggota Suruhanjaya Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654). Anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan, Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang



munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:


- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.



- e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.


Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya berdasarkan keperluan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(NOOR RITA BINTI KASSIM)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
8 JULAI 2021



PENYATA PENGERUSI DAN SALAH SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA

Kami, **YB Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli** dan **Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman**, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Suruhanjaya, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Kewangan (Bajet) yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara:

YB TUAN HAJI WAN HASSEN BIN MOHD RAMLI
Pengerusi

No. Kad Pengenalan : 570717-03-5679
Tarikh : 8 Julai 2021

DATO' HAJI AHMAD FAIZAL BIN ABDUL RAHMAN
Ketua Pegawai Eksekutif

No. Kad Pengenalan : 690329-03-5307
Tarikh : 8 Julai 2021



PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN KUMPULAN WANG SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN

Saya, Dr. Abrari bin Salleh, pegawai utama yang bertanggungjawab atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan dengan ini mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Kewangan (Bajet) dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh)
penama di atas di **W.P Putrajaya**)



Tarikh : **08 JUL 2021**

DR. ABRARI BIN SALLEH

No. Kad Pengenalan:
690604-01-5299

Di hadapan saya



Suite 49B, Jalan Diplomatic
Diplomatic Enclave, Presint Diplomatic
62050 PUTRAJAYA
Wilayah Persekutuan Putrajaya
No: +6012.350.8527

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2020

| | Nota | 2020 RM | 2019 RM |
|------------------------------------|------|----------------------|----------------------|
| Aset Semasa | | | |
| Penghutang | 5 | 23,757,603 | - |
| Faedah Terakru | 6 | 33,513,749 | 52,029,671 |
| Lebihan cukai | | 4,186,940 | 3,491,014 |
| Pelaburan Jangka Pendek | 7 | 2,511,500,000 | 2,210,311,000 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai | 8 | 67,232,486 | 6,083,607 |
| Jumlah Aset Semasa | | 2,640,190,778 | 2,271,915,292 |
| JUMLAH ASET | | 2,640,190,778 | 2,271,915,292 |
| Liabiliti Semasa | | | |
| Pembiayaan | 9 | 40,503,820 | 6,314,774 |
| Akruan | | 32,065 | 32,065 |
| Jumlah Liabiliti Semasa | | 40,535,885 | 6,346,839 |
| JUMLAH LIABILITI | | 40,535,885 | 6,346,839 |
| ASET BERSIH | | 2,599,654,893 | 2,265,568,453 |
| ASET BERSIH / EKUITI | | | |
| Lebihan Terkumpul | | 2,599,654,893 | 2,265,568,453 |
| JUMLAH ASET BERSIH / EKUITI | | 2,599,654,893 | 2,265,568,453 |

Nota-nota yang disertakan di muka surat 33 hingga 48 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| | Nota | 2020 RM | 2019 RM |
|--|------|--------------------|--------------------|
| HASIL | | | |
| Hasil Urus Niaga Pertukaran 10 | 10 | 75,691,339 | 378,453,894 |
| BELANJA | | | |
| Perkhidmatan dan bekalan | 15 | 13,535,934 | 35,975 |
| Caj bank | | 196 | 32 |
| JUMLAH BELANJA | | 13,536,130 | 36,007 |
| LEBIHAN BAGI TAHUN SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT | | 362,155,209 | 378,417,887 |
| TOLAK: CUKAI DAN ZAKAT | 16 | (28,068,769) | (21,773,207) |
| LEBIHAN BAGI TAHUN SELEPAS CUKAI DAN ZAKAT | | 334,086,440 | 356,644,680 |
| Dipegang oleh: Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan | | 334,086,440 | 356,644,680 |

Nota-nota yang disertakan di muka surat 33 hingga 48 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama.



PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| | Lebihan Terkumpul RM | Jumlah Aset Bersih RM |
|--|-------------------------------------|-------------------------------------|
| Baki Pada 1 Januari 2019 Lebihan Bagi Tahun Selepas Cukai | 1,908,923,773 356,644,680 | 1,908,923,773 356,644,680 |
| Jumlah Hasil Dan Belanja Diiktiraf Bagi Tahun Kewangan | 356,644,680 | 356,644,680 |
| Baki Pada 31 Disember 2019 Lebihan Bagi Tahun Selepas Cukai Dan Zakat | 2,265,568,453 334,086,440 | 2,265,568,453 331,185,069 |
| Jumlah Hasil Dan Belanja Diiktiraf Bagi Tahun Kewangan | 334,086,440 | 331,185,069 |
| Baki Pada 31 Disember 2020 | 2,599,654,893 | 2,596,753,522 |

Nota-nota yang disertakan di muka surat 33 hingga 48 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama.



PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| | 2020 RM | 2019 RM |
|---|---------------------------------|-----------------------------|
| <u>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</u> | | |
| Lebihan Pelarasan: Pendapatan faedah | 362,155,209 (71,765,869) | 378,417,887 (77,911,603) |
| Lebihan operasi sebelum perubahan modal kerja Pergerakan bukan tunai: | 290,389,340 | 300,506,284 |
| Peningkatan dalam penghutang Peningkatan / (pengurangan) dalam pembiutang Peningkatan dalam akruan | (23,757,604) 34,189,046 - | - (1,927,987) 22,098 |
| Cukai dan zakat | 300,820,783 (28,764,695) | 298,600,395 (23,393,225) |
| Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi | 272,056,088 | 275,207,170 |
| <u>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</u> | | |
| Pelaburan jangka pendek Pendapatan faedah | (301,189,000) 90,281,791 | (419,711,000) 75,604,559 |
| Aliran tunai bersih daripada dari aktiviti pelaburan Peningkatan / (pengurangan) bersih tunai dan setara tunai | (210,907,209) | (344,106,441) |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tempoh | 61,148,879 | (68,899,271) |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh | 6,083,607 | 74,982,878 |
| | 67,232,486 | 6,083,607 |

Nota-nota yang disertakan di muka surat 33 hingga 48 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama.



PENYATA PRESTASI BAJET BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| <u>BAJET MENGURUS</u> | 2020 | | | 2019 | | |
|--------------------------------|------------------------|--------------------|----------------|------------------------|--------------------|----------------|
| | Anggaran Asal RM | Sebenar RM | % | Anggaran Asal RM | Sebenar RM | % |
| Terimaan | | | | | | |
| Fi KWSMP | 360,000,000 | 341,059,175 | 95 | 309,881,000 | 309,959,875 | 100 |
| Pendapatan faedah | 86,062,600 | 71,765,869 | 83 | 84,935,025 | 77,911,603 | 92 |
| Lain-lain hasil | - | 10,200 | >100 | - | 1,100 | >100 |
| Jumlah Terimaan | 446,062,600 | 412,835,244 | 93 | 394,816,025 | 387,872,578 | 98 |
| Bayaran | | | | | | |
| Kos Projek Selangor | 7,603,308 | 3,802,773 | 50 | 3,970,153 | 104,032 | 3 |
| Kos Projek Pahang | - | - | - | 161,727 | 161,727 | 100 |
| Kos Projek Kelantan | 94 | - | -100 | 94,863 | 90,294 | 95 |
| Kos Projek Labuan | 19,584 | - | -100 | 214,185 | 194,601 | 91 |
| Kos Projek Negeri Sembilan | 17,142,846 | 1,982,562 | 12 | 23,609,403 | 6,466,557 | 27 |
| Kos Projek Pulau Pinang | 2,274,083 | 757,000 | 33 | 2,582,419 | 1,801,473 | 70 |
| Kos Projek Wilayah Persekutuan | 124,647,809 | 30,601,570 | 25 | 1,007,809 | 600,000 | 60 |
| Bekalan Dan Perkhidmatan | 12,000,000 | 13,536,130 | >100 | 7,036,000 | 36,007 | 1 |
| Kenaan Cukai dan Zakat | 23,739,457 | 28,068,769 | >100 | 24,056,178 | 21,773,207 | 91 |
| Jumlah Bayaran | 187,427,181 | 78,748,804 | 42 | 62,732,737 | 31,227,898 | 50 |
| LEBIHAN BERSIH | 258,635,419 | 334,086,440 | >100 | 332,083,288 | 356,644,680 | >100 |

Nota-nota yang disertakan di muka surat 33 hingga 48 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama.



NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

1. ASAS PENYEDIAAN

(a) Maklumat Am

Suruhanjaya telah ditubuhkan dengan berkuatkuasanya Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air 2006 (Akta 654) pada 1 Februari 2007. Anggota Suruhanjaya telah dilantik oleh Menteri Air, Tanah Dan Sumber Asli ("Kementerian"). Suruhanjaya terdiri daripada Pengurus, Ketua Pegawai Eksekutif dan tidak kurang daripada lapan dan tidak lebih daripada sepuluh orang lain.

Alamat Suruhanjaya adalah di Aras Bawah & Aras Satu, Prima Avenue 7, Blok 3510, Jalan Teknokrat 6, 63000 Cyberjaya, Selangor.

Berdasarkan kepada Seksyen 172(4) dan (5) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655], tahun kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan (KWSMP) bagi tahun 2020 bermula dari 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2020. Penyata Kewangan KWSMP bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah dibentang dan diluluskan di Mesyuarat Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara pada 8 Julai 2021.

(b) Penyata Pematuhan

Penyata Kewangan disediakan pada Asas Akruan.

Penyata Kewangan ini telah disediakan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan. MPSAS 33 membenarkan pengguna kali pertama untuk mengiktiraf dan mengukur Aset dan Liabiliti tertentu dalam tempoh satu (1) sehingga tiga (3) tahun.

Walau bagaimanapun, Penyata Kewangan ini telah disediakan di bawah konvensyen Kos Sejarah kecuali seperti yang didekahkan di Dasar Perakaunan (Nota 4 kepada Penyata Kewangan).

Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan dinyatakan pada Nota 18 ialah peristiwa yang memuaskan atau sebaliknya, yang berlaku antara tarikh pelaporan dengan tarikh apabila Penyata Kewangan diterbitkan.



1. ASAS PENYEDIAAN (Sambungan)

(c) Pertimbangan Dan Anggaran

Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi Aset, Liabiliti, Hasil dan Belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

2. KUMPULAN WANG SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN

Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan ditubuhkan di bawah Seksyen 172 Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 655) dengan berkuatkuasanya Peraturan-peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan) 2010 mulai 1 Januari 2011.

Selaras dengan peruntukan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Suruhanjaya) akan mengurus, mengawal dan mengendalikan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan (KWSMP) mulai 1 Januari 2011.

3. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Dasar pengurusan risiko kewangan KWSMP bertujuan untuk memastikan bahawa terdapat sumber kewangan yang mencukupi untuk pembangunan operasi KWSMP dan menguruskan risiko kredit, kadar faedah, tukaran asing dan kecairan.

KWSMP beroperasi di bawah garis panduan yang telah ditetapkan dengan jelas yang diluluskan oleh KWSMP dan dasar KWSMP adalah untuk tidak melibatkan KWSMP dalam urus niaga spekulatif.

(a) Risiko mudah tunai

Risiko mudah tunai berkait dengan ketidakupayaan untuk memenuhi komitmen kewangan dan tanggungannya apabila sampai masa yang telah ditetapkan. KWSMP mempunyai tahap kecairan aset mudah cair yang mencukupi dan menyimpan tunai di institusi kewangan bagi tujuan memenuhi keperluan KWSMP dan lain-lain komitmen dan tanggungannya.

3. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (Sambungan)

(b) Risiko kredit

KWSMP mengamalkan polisi di mana tunai dan bersamaan tunai disimpan hanya di bank dan institusi kewangan berlesen. Risiko kredit adalah risiko kerugian yang disebabkan oleh ketidakupayaan atau kegagalan pihak yang terlibat untuk memenuhi tanggungjawabnya membuat pembayaran semula. Pendedahan kepada risiko kredit adalah hasil daripada aktiviti-aktiviti urus niaga dan pelaburan.

Risiko kredit dikawal melalui aplikasi terhadap pengesahan kredit, had dan pengawalan prosedur. Ini dilaksanakan melalui rujukan kepada penarafan kredit yang diterbitkan oleh Institusi Kewangan. Sekiranya ketiadaan penarafan kredit, penyemakan kredit dalaman dilakukan untuk risiko kredit yang ketara.

(c) Risiko kadar faedah

KWSMP terdedah kepada risiko kadar faedah yang berkaitan dengan pelaburan simpanan tetapnya dengan sebuah institusi kewangan yang berlesen yang mempunyai kepercayaan kredit. KWSMP boleh terdedah kepada kerugian disebabkan oleh struktur kadar faedah yang timbul daripada perubahan kadar faedah.

KWSMP mengurus risiko kadar faedahnya dengan meletakkan baki berkenaan di institusi kewangan berlainan serta mengikut terma kematangan dan kadar faedah yang berbeza-beza.

(d) Faedah terakru

Pendapatan faedah diiktiraf berasaskan kepada pembahagian masa dan kadar efektif yang menjangkau tempoh matang.

4. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN UTAMA

Penyata kewangan KWSMP telah disediakan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) bagi sektor awam iaitu Piawaian Perakaunan Sektor Awam (MPSAS) mulai tahun 2019.

Penyata kewangan telah disediakan berasaskan konvensyen kos sejarah kecuali seperti mana yang dinyatakan sebaliknya dalam polisi perakaunan penting dan amalan perakaunan yang diterima umum di Malaysia.



4. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN UTAMA (Sambungan)

KWSMP telah memilih untuk menggunakan piawaian perakaunan MPSAS bagi pelaporan penyata kewangan tahun 2019 seperti yang telah diluluskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

(a) Pemakaian MPSAS

MPSAS yang digunakan oleh KWSMP adalah seperti berikut:

- | | |
|----------|--|
| MPSAS 1 | - Pembentangan Penyata Kewangan |
| MPSAS 2 | - Penyata Aliran Tunai |
| MPSAS 3 | - Dasar Perakaunan, Perubahan Dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan |
| MPSAS 9 | - Hasil Urus Niaga Pertukaran |
| MPSAS 14 | - Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan |
| MPSAS 20 | - Pendedahan Pihak Berkaitan |
| MPSAS 24 | - Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan. |
| MPSAS 28 | - Instrumen Kewangan: Pembentangan |
| MPSAS 29 | - Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran |
| MPSAS 30 | - Instrumen Kewangan: Pendedahan |
| MPSAS 33 | - Pemakaian Kali Pertama MPSAS Berdasarkan Akruan |

(b) Penghutang

Penghutang telah dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Anggaran untuk hutang ragu dibuat berdasarkan atas semakan amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan.

Hutang lapuk dilupuskan di dalam tahun apabila ianya dikenal pasti dan mendapatkan kelulusan Suruhanjaya. Peruntukan khas bagi hutang ragu dibuat berdasarkan kepada anggaran kerugian yang mungkin timbul daripada ketidakupayaan mengutip hutang daripada akaun tertentu yang dikenal pasti. Elaun hutang ragu adalah dikenakan ke atas baki hutang mengikut kadar yang spesifik. Pelupusan ke atas hutang-hutang yang telah ragu adalah perlu mendapatkan kelulusan Suruhanjaya sebelum dihapuskan.

(c) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan dan baki bank, deposit di bank dan institusi kewangan lain serta pelaburan berjangka pendek yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang 3 bulan dan kurang dari tarikh pelaburan dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah. Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah secara tidak langsung.

4. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN UTAMA (Sambungan)

(d) Pelaburan Jangka Pendek

Pelaburan berjangka pendek yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang lebih 3 bulan dan sehingga setahun dari tarikh pelaburan dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

(e) Pengiktirafan pendapatan

Semua Hasil Urusniaga Pendapatan dikira atas dasar akruan. Pendapatan kutipan sumbangan diiktiraf apabila kutipan telah dimuktamadkan. Hasil Urusniaga Pendapatan perkhidmatan terdiri daripada kutipan sumbangan KWSMP sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 655).

(f) Cukai

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa merupakan amaun cukai pendapatan yang dijangka perlu dibayar ke atas lebihan bercukai bagi tahun semasa dan dikira mengikut kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan mengikut kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai bawaannya dalam penyata kewangan.

Pada prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara bercukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua potongan perbezaan sementara bercukai, setakat mana terdapatnya kemungkinan keuntungan bercukai masa hadapan yang ada boleh digunakan terhadap potongan perbezaan sementara.

(g) Urus niaga Pihak Berkaitan

Pihak-pihak yang dianggap berkaitan jika satu pihak mempunyai keupayaan untuk mengawal pihak lain atau melaksanakan pengaruh ke atas pihak lain, setakat mana ia menghalang pihak lain dari mengejar kepentingan sendiri yang berasingan dalam membuat keputusan kewangan dan operasi.



4. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN UTAMA (Sambungan)

(h) Instrumen Kewangan

(i) Aset kewangan dan aset liabiliti

KWSMP mengklasifikasikan aset kewangan dalam kategori berikut: pada nilai saksama melalui untung rugi dan pelunasan kos.

(ii) Pengiktirafan dan pengukuran

Pembelian dan penjualan rutin aset kewangan diiktiraf pada tarikh dagangan di mana KWSMP bertekad untuk membeli atau menjual aset tersebut. Aset kewangan yang dicatat pada nilai saksama melalui untung rugi diiktiraf pada nilai saksama, dan kos transaksi akan direkodkan dalam untung rugi. Aset kewangan tidak akan diperakui apabila hak untuk memperolehi aliran tunai yang dijana dari pelaburan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan KWSMP telah memindahkan semua risiko dan manfaat pemilikan secara keseluruhannya. Aset kewangan sedia untuk dijual dan aset kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi kemudiannya dinilai pada nilai saksama. Pinjaman dan penghutang kemudiannya direkodkan pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

Keuntungan atau kerugian yang terhasil daripada perubahan nilai saksama 'aset kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi' dinyatakan dalam laporan penyata prestasi kewangan di bawah kategori lain-lain untung/rugi bersih pada tempoh semasa. Pendapatan dividen daripada aset kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi diiktiraf dalam laporan penyata prestasi kewangan sebagai sebahagian daripada lain-lain pendapatan apabila KWSMP telah mendapat hak untuk menerima bayaran.

(iii) Penjejasan aset kewangan

(a) Aset direkodkan pada kos pelunasan

KWSMP menilai pada setiap akhir tempoh pelaporan samada terdapat bukti yang objektif bahawa aset kewangan mengalami penjejasan nilai.

Aset kewangan mengalami penjejasan nilai dan rugi penjejasan nilai akan ditanggung hanya jika wujud bukti objektif berkaitan penjejasan nilai sebagai penyebab wujudnya peristiwa atau peristiwa-peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan aset tersebut ('peristiwa yang merugikan') dan peristiwa yang merugikan telah memberi impak pada anggaran aliran tunai masa depan bagi aset kewangan yang mana anggarannya boleh diperakui.



4. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN UTAMA (Sambungan)

(h) Instrumen Kewangan (Sambungan)

(iii) Penjejasan aset kewangan (Sambungan)

(a) Aset direkodkan pada kos pelunasan (Sambungan)

Kriteria yang digunakan KWSMP untuk menentukan bahawa wujud bukti objektif penjejasan nilai meliputi:

- Kesulitan kewangan penerbit dan penerima tanggungan;
 - Pelanggaran kontrak, ingkar atau tunggakan faedah atau bayaran pokok;
 - KWSMP, atas sebab-sebab ekonomi atau undang-undang yang berkaitan dengan kesulitan kewangan peminjam; memberikan konsesi kepada peminjam, yang mana kebiasaannya tidak diberikan;
 - Berkemungkinan peminjam akan berdepan dengan masalah muflis atau lain-lain bentuk penstrukturkan semula kewangan;
 - Kehilangan pasaran aktif untuk aset kewangan disebabkan kesulitan kewangan; atau
 - Data yang menunjukkan terdapat pengurangan ke atas anggaran aliran tunai masa depan yang boleh diukur dari portfolio aset sejak pengiktirafan permulaan aset tersebut; walaupun penurunan tersebut belum dapat dikenal pasti berkait mana-mana aset kewangan tertentu dalam portfolio, termasuk;
- (a) Perubahan yang merugikan status pembayaran peminjam dalam portfolio; dan
- (b) Keadaan ekonomi nasional atau tempatan yang berkait rapat dengan prestasi aset dalam portfolio

KWSMP terlebih dahulu menilai bukti-bukti mengenai kewujudan penjejasan nilai. Jumlah kerugian diukur melalui perbezaan di antara nilai bawaan aset dan nilai masa kini bagi anggaran aliran tunai masa depan (tidak termasuk kerugian kredit masa depan yang belum berlaku) didiskaunkan pada kadar faedah efektif yang asal bagi aset kewangan itu. Nilai bawaan aset dikurangkan dan jumlah kerugian diiktiraf dalam laporan penyata prestasi kewangan. Jika pinjaman atau pelaburan dipegang hingga jatuh tempoh matang memiliki kadar faedah berubah-ubah, kadar diskauan efektif masa kini adalah kadar diskauan yang digunakan untuk mengukur sebarang penjejasan seperti mana yang dinyatakan dalam kontrak.



4. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN UTAMA (Sambungan)

(h) Instrumen Kewangan (Sambungan)

(iii) Penjejasan aset kewangan (Sambungan)

Secara praktikalnya, KWSMP dapat mengukur penjejasan nilai berdasarkan nilai saksama instrumen dengan menggunakan harga pasaran yang boleh diperhati. Jika, pada tempoh berikutnya, jumlah rugi penjejasan berkang dan pengurangan itu boleh dikaitkan secara objektif dengan suatu peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan penjejasan nilai (seperti peningkatan tingkat kredit penghutang), pemulihan kerugian penjejasan nilai sebelumnya diakui diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

(iv) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan bila, dan hanya apabila, KWSMP menjadi pihak yang terlibat kontrak peruntukan bagi instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan diiktiraf umum pada nilai saksama, yang mana bagi liabiliti yang terdiri daripada liabiliti selain derivatif, pengiktirafan ditambah kos transaksi terlibat secara langsung. Selepas pengukuran awalan, kesemua liabiliti kewangan diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif kecuali untuk derivatif yang mana diukur pada nilai saksama.

Liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf apabila tanggungan ke atas liabiliti dipadamkan. Apabila liabiliti kewangan yang wujud diganti oleh liabiliti yang lain dari pemberi pinjaman yang sama tetapi dengan terma-terma pinjaman yang berbeza, atau terma bagi liabiliti yang sedia ada dipinda, di mana pertukaran atau pindaan diperlakukan sebagai penamatan pengiktirafan ke atas liabiliti yang asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan dalam nilai bawaan turut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

5. PENGHUTANG

| | 2020 RM | 2019 RM |
|---|-------------------|------------|
| Penghutang operasi | 20,856,232 | - |
| | 20,856,232 | - |
| Belum tertunggak dan tidak dirosot nilai 1 hingga 5 tahun dan tidak dirosot nilai Lebih 5 tahun dan tidak dirosot nilai | - | - |
| | 20,856,232 | - |
| | - | - |
| Dirosot nilai | 20,856,232 | - |
| | - | - |
| | 20,856,232 | - |

6. FAEDAH TERAKRU

Faedah terakru adalah terdiri daripada faedah deposit yang dibuat di bank berlesen.

7. PELABURAN JANGKA PENDEK

Kadar faedah bagi deposit simpanan tetap dengan bank berlesen ialah di antara 2.00% hingga 3.47% setahun (2019: 3.50% - 4.25%). Tempoh matang deposit tetap adalah dua belas (12) bulan. Deposit simpanan tetap dengan bank-bank berlesen seperti berikut:

| | 2020 RM | 2019 RM |
|----------------------------------|----------------------|----------------------|
| Affin Bank Berhad | 21,900,000 | 242,790,000 |
| Agrobank | - | 30,000,000 |
| Alliance Bank Berhad | - | 66,415,000 |
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia | 369,700,000 | 251,370,000 |
| Bank Islam Malaysia Berhad | - | 17,931,000 |
| Bank Pembangunan Malaysia Berhad | 349,800,000 | 219,745,000 |
| Malayan Banking Berhad | 271,000,000 | 534,160,000 |
| Bank Simpanan Nasional | 86,400,000 | 133,400,000 |
| Bank Muamalat Malaysia Berhad | 51,800,000 | - |
| CIMB Bank Berhad | 95,900,000 | 341,750,000 |
| MBSB Bank Berhad | 302,000,000 | - |
| Public Bank Berhad | 300,000,000 | - |
| RHB Bank Berhad | 572,200,000 | 372,750,000 |
| SME Development Bank | 90,800,000 | - |
| | 2,511,500,000 | 2,210,311,000 |

8. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai dalam tangan dan baki di bank dan simpanan tetap. Tunai dan setara tunai termasuk dalam penyata aliran tunai terdiri daripada amaun penyata kedudukan kewangan yang berikut:

| | 2020 RM | 2019 RM |
|--------------------------|-------------------|------------------|
| Deposit di bank berlesen | | |
| - Simpanan jangka pendek | 62,500,000 | - |
| Baki di bank | 4,732,486 | 6,083,607 |
| | 67,232,486 | 6,083,607 |

9. PEMIUTANG

| | 2020 RM | 2019 RM |
|-------------------|-------------------|------------------|
| Pemiutang operasi | | |
| Wang Tahanan | 36,658,520 | 1,841,865 |
| | 3,845,300 | 4,472,909 |
| | 40,503,820 | 6,314,774 |

10. HASIL URUS NIAGA PERTUKARAN

| | Nota | 2020 RM | 2019 RM |
|-----------------------------|------|--------------------|--------------------|
| Sumbangan Modal Pembetungan | 11 | 361,762,133 | 312,786,142 |
| Kos Pembiayaan Projek | 12 | (37,143,905) | (9,418,684) |
| Pulangan Sumbangan | 13 | (20,702,958) | (2,826,267) |
| Pendapatan Faedah | 14 | 71,765,869 | 77,911,603 |
| Pendapatan Lain | | 10,200 | 1,100 |
| | | 375,691,339 | 378,453,894 |



11. SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN

Butiran Kutipan Sumbangan Modal Pembetungan Mengikut Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020.

| Kutipan Sumbangan KWSMP Mengikut Negeri | Mengikut Kategori (RM) | | | | 2020 RM | 2019 RM |
|---|------------------------|--------------------|------------------------|------------------------------------|--------------------|--------------------|
| | Naik taraf | Sambungan | Tangki Septik Individu | Kemudahan Enap Cemar dan Lain-lain | | |
| 1. PERAK | - | 2,934,446 | 1,085,146 | 100,325 | 4,119,917 | 2,616,974 |
| 2. SELANGOR | 15,274,015 | 98,731,244 | 1,822,840 | 2,292,090 | 118,120,189 | 61,493,229 |
| 3. PAHANG | - | 1,825,875 | 1,231,965 | 17,935 | 3,075,775 | 3,150,362 |
| 4. KELANTAN | - | 3,500 | 2,513,020 | 29,320 | 2,545,840 | 3,106,446 |
| 5. JOHOR | - | 2,564,970 | 679,309 | 98,632 | 3,342,911 | 6,896,589 |
| 6. KEDAH | - | 2,021,292 | 299,040 | 78,400 | 2,398,732 | 3,333,093 |
| 7. W.P. LABUAN | - | 443,538 | 4,920 | 15,005 | 463,463 | 337,795 |
| 8. MELAKA | - | 2,111,220 | 238,800 | 42,415 | 2,392,435 | 5,223,179 |
| 9. NEGERI SEMBILAN | - | 4,544,864 | 235,920 | 177,200 | 4,957,984 | 7,133,866 |
| 10. PULAU PINANG | - | 53,775,299 | 208,200 | 242,855 | 54,226,354 | 57,752,666 |
| 11. PERLIS | - | 33,000 | 12,960 | 6,025 | 51,985 | 150,390 |
| 12. TERENGGANU | - | 58,213 | 1,246,035 | 8,130 | 1,312,378 | 1,179,280 |
| 13. W.P. KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA | 6,577,055 | 158,107,269 | 45,456 | 24,390 | 164,754,170 | 160,412,273 |
| | 21,851,070 | 327,154,730 | 9,623,611 | 3,132,722 | 361,762,133 | 312,786,142 |

12. KOS PEMBIAYAAN PROJEK

Butiran Kos Pembiayaan Projek Mengikut Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020.

| | 2020 RM | 2019 RM |
|----------------------------------|-------------------|------------------|
| Kos Projek – Selangor | 3,802,773 | 104,032 |
| Kos Projek – Pahang | - | 161,727 |
| Kos Projek – Kelantan | - | 90,294 |
| Kos Projek – Labuan | - | 194,601 |
| Kos Projek - Negeri Sembilan | 1,982,562 | 6,466,557 |
| Kos Projek - Pulau Pinang | 757,000 | 1,801,473 |
| Kos Projek - Wilayah Persekutuan | 30,601,570 | 600,000 |
| | 37,143,905 | 9,418,684 |

Kos projek di setiap negeri perlu dikenal pasti, dibentangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan (JKWSMP) sebelum arahan pembayaran dapat dilaksanakan oleh Jawatankuasa Teknikal KWSMP.

Secara teknikalnya, KWSMP hanya membiayai perbelanjaan projek terhad kepada nilai kos projek yang telah diluluskan oleh JKWSMP dan pihak KWSMP adalah bebas dari sebarang komitmen dan tanggungjawab modal bagi projek-projek berkenaan kerana ianya bukan aset KWSMP.

KWSMP hanya sebuah kumpulan amanah yang bertanggungjawab atas arahan pihak ketiga bagi membiayai perbelanjaan memajukan projek-projek yang telah ditetapkan.



13. PULANGAN SUMBANGAN

Butiran Pulangan Sumbangan Modal Pembetungan Mengikut Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020.

| Pulangan Sumbangan KWSMP Mengikut Negeri | Mengikut Kategori (RM) | | | | 2020 RM | 2019 RM |
|--|------------------------|------------|------------------------|------------------------------------|------------|-----------|
| | Naik taraf | Sambungan | Tangki Septik Individu | Kemudahan Enap Cemar dan Lain-lain | | |
| 1. SELANGOR | 4,623,824 | 10,211,518 | - | - | 14,835,342 | 1,701,893 |
| 2. PAHANG | 188,570 | 297,055 | - | - | 485,625 | 838,114 |
| 3. KELANTAN | - | - | 14,900 | - | 14,900 | - |
| 4. JOHOR | - | - | 9,600 | - | 9,600 | - |
| 5. KEDAH | - | 5,400 | 12,000 | - | 17,400 | - |
| 6. NEGERI SEMBILAN | - | 749,432 | - | - | 749,432 | 64,400 |
| 7. PULAU PINANG | - | 1,987,482 | - | - | 1,987,482 | - |
| 8. W.P. KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA | - | 2,603,177 | - | - | 2,603,177 | 221,860 |
| | 4,812,394 | 15,854,064 | 36,500 | - | 20,702,958 | 2,826,267 |

14. PENDAPATAN FAEDAH

Pendapatan faedah adalah faedah yang diterima daripada simpanan tetap KWSMP di beberapa Bank dan di Institusi Kewangan Berlesen.

15. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

| | 2020 RM | 2019 RM |
|---|----------------------|---------------|
| Kos perkhidmatan agen cukai dan auditan Fi pengurusan KWSMP | 35,934 13,500,000 | 35,975 - |
| | 13,535,934 | 35,975 |

16. CUKAI DAN ZAKAT

| | 2020 RM | 2019 RM |
|--|---------------------------------------|------------------------|
| Tahun semasa: - cukai pendapatan | 19,552,517 | 21,773,207 |
| Jumlah cukai tahun semasa Zakat | 19,552,517 8,516,252 | 21,773,207 - |
| | 28,068,769 | 21,773,207 |

Penyesuaian di antara kenaan cukai dan lebihan kendalian sebelum cukai dan zakat adalah seperti berikut:

| | 2020 RM | 2019 RM |
|---|--|---|
| Lebihan pendapatan sebelum cukai | 362,155,209 | 378,417,887 |
| Cukai dikira pada kadar cukai 28% (2019: 28%) yang ditetapkan bagi Pertubuhan di Malaysia (RM1,000,000 pertama, adalah RM237,650) | 237,650 | 237,650 |
| Kesan cukai ke atas: - Perbelanjaan tidak dibenarkan - pendapatan tidak tertakluk kepada cukai - Zakat | 101,123,459 20,409,827 (95,496,569) 1,794,402 | 105,677,008 2,647,314 (86,788,765) - |
| | 28,068,769 | 21,773,207 |

Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara telah mendapat pengecualian cukai pendapatan melalui Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 22) 2006 yang diberikan oleh Kementerian Kewangan pada 15 April 2009. Pendapatan yang diberikan pengecualian adalah pendapatan yang diterima atau jumlah wang disumbang oleh mana-mana pemaju (pembetungan) bagi kegunaan tertentu.

Dalam pengiraan zakat perniagaan, Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan telah menggunakan kaedah Untung Rugi berdasarkan Pendapatan Agregat.



17. URUS NIAGA DENGAN PIHAK BERKAITAN

| | 2020 RM | 2019 RM |
|---|------------|------------|
| Belanja Fi Pengurusan SPAN (termasuk SST) | 13,500,000 | - |

Tiada perbelanjaan telah diiktiraf dalam tempoh kewangan semasa untuk hutang lapuk atau hutang ragu berkenaan dengan amaun yang terhutang oleh pihak berkaitan.

18. PERISTIWA SELEPAS TARIKH PELAPORAN

(a) Wabak terkini penyakit “Novel Coronavirus 2019” (“COVID-19”) sejak hujung tahun 2019 telah menjadi kes penting meningkat di seluruh dunia yang mendorong Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk mengisyiharkan sebagai pandemik pada 11 Mac 2020. Satu siri langkah berjaga-jaga dan kawalan telah dan terus dilaksanakan di seluruh dunia. Kerajaan Malaysia telah mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020 hingga 12 Mei 2020 dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) mulai 13 Mei 2020 hingga 9 Jun 2020 serta Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dari 10 Jun hingga 31 Ogos 2020. Kerajaan Malaysia telah mengenakan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 1 September 2020 hingga 4 Mac 2021, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) mulai 5 Mac hingga 18 Mac 2021 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 1 Jun hingga 14 Jun 2021. Proklamasi Darurat juga telah dilaksanakan mulai 11 Januari hingga 1 Ogos 2021 untuk melandaikan keluk jangkitan COVID-19.

Oleh kerana wabak ini adalah keadaan yang tidak dapat dijangka bila ia akan berakhir, maka amat sukar untuk menilai keadaan pada masa kini, tetapi pihak pengurusan komited dalam menilai kesannya terhadap operasi KWSMP. Walau bagaimanapun, pada tarikh laporan ini, pihak pengurusan tidak dapat mengesahkan samada KWSMP mengalami sebarang impak negatif yang ketara dan mempunyai kebolehupayaan untuk beroperasi dalam tempoh sekurang-kurangnya 12 bulan yang akan datang dari penyata kewangan ini ditandatangani kerana pihak pengurusan dalam proses membuat analisa implikasi PKP dan PKPB secara lebih mendalam.

Peristiwa di atas tidak melibatkan apa-apa perubahan kepada Penyata Kedudukan Kewangan KWSMP pada 31 Disember 2020 sehingga tarikh Penyata Kewangan ini dibentangkan.

19. MAKLUMAT PERBANDINGAN

Sebahagian daripada angka-angka perbandingan di dalam penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan komprehensif telah diselaraskan untuk disesuaikan dengan pembentangan akaun pada tahun semasa.





www.span.gov.my

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

Aras Bawah & Aras Satu,
Prima Avenue 7, Blok 3510, Jalan Teknokrat 6,
63000 Cyberjaya, Selangor
Tel : 03 - 8317 9333 / 334 / 335 Faks : 03 - 8317 9339 / 9336